

PEMBINAAN MODEL KEDIAMAN SELAMAT WARGA EMAS: PEMBENTUKAN SET SOALAN DAN KAJIAN RINTIS

Development Model of a Safe Residential For Senior Citizens: The Formation of Questions and Pilot Study

NOR 'ADHA AB HAMID

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)
noradha@kuis.edu.my

SHARIFAH HANA ABD RAHMAN

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)
sharifahhana@kuis.edu.my

MOHD FAROK MAT NOR

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)
mohdfarok@kuis.edu.my

NUR ZULFAH MD ABDUL SALAM

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)
nurzulfah@kuis.edu.my

MOHAMAD HAFIFI HASSIM

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)
hafifi@kuis.edu.my

MASHITAH NABEES KHAN

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)
mashnk93@gmail.com

Abstrak

Malaysia menuju Negara Tua 2030. Kenyataan ini kerap kedengaran dan merupakan fenomena yang sedang dihadapi secara global. Proses penuaan penduduk tidak dapat dielakkan di seluruh dunia termasuk Malaysia. Negara Malaysia dijangkakan menjadi negara tua dalam tempoh 15 tahun akan datang apabila penduduk berumur 60 tahun dan ke atas mencecah 15 peratus daripada jumlah keseluruhan penduduk. Pada 2020 terdapat 3.7 juta orang warga emas di negara ini dan ia dijangka meningkat sebanyak 15.3 peratus iaitu kepada 5.3 juta pada 2030. Pada tahun 2019, Menteri Kesihatan Malaysia berbincang mengenai status warga emas boleh menjadi liabiliti kepada masyarakat. Hakikatnya terdapat ramai warga emas yang mempunyai kepakaran, pengalaman dan ianya rugi jika tidak dimanfaatkan oleh komuniti dan negara. Pada tahun 2021, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menjelaskan akan terus memberi perhatian khusus terhadap warga emas sebagai persediaan bagi menghadapi status negara tua menjelang 2030. Rentetan daripada persediaan menuju Negara Tua menjelang 2030, satu model kediaman yang selamat untuk warga emas adalah perlu kerana model ini mampu menjadi dasar kepada pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan serta Jabatan Kebajikan Masyarakat dalam menjamin keselamatan

mereka dan ke arah memastikan warga emas menjalani kehidupan yang lebih sempurna. Kajian geran FRGS 2020 ini merupakan kajian berbentuk gabungan/campuran (*mixed method*) menggunakan metod kualitatif dan kuantitatif dengan kaedah penganalisaan dokumen, soal selidik, pemerhatian dan temubual separa sktruktur untuk mengumpulkan data dapatan dan maklumat ke arah pembinaan model tersebut. Metodologi yang digunakan selari dengan objektif kedua dan ketiga kajian iaitu untuk mengkaji ciri-ciri dan spesifikasi yang selamat dalam membina kediaman dan tempat tinggal bagi warga emas, dan mengenalpasti penerimaan model kediaman selamat warga emas ini selaras dengan kehendak undang-undang. Kertas Kerja ini menganalisa dapatan kajian rintis hasil daripada pembentukan konstruk bagi empat set soalan merangkumi soal selidik warga emas, temubual Pusat Jagaan Warga Emas, temubual Komuniti dan temubual Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Hasil kajian rintis soal selidik menunjukkan bahawa instrumen soal selidik warga emas adalah sesuai digunakan untuk sampel kajian sebenar, dan pembentukan protokol temu bual Pusat Jagaan Warga Emas menunjukkan kesesuaian instrumen temubual yang digunakan kepada responden.

Kata kunci: Negara Tua, Warga Emas, Kediaman, Selamat, Rintis

Abstract

Malaysia towards 'Old Nation' by 2030. This statement can often be heard as a phenomenon that is being faced globally. The aging process of the population is inevitable all over the world including Malaysia. It is expected for Malaysia to become an old country in the next 15 years when the population aged 60 and above reaches 15 percent of the total amount. In 2020 there will be 3.7 million senior citizens in the country, and it is also expected to increase by 15.3 percent to 5.3 million in 2030. In 2019, the Malaysian Minister of Health discussed the status of the elderly can be a liability to society. The fact is, there are many senior citizens who have expertise and experience but all that will be a loss if not utilized by the community and the country. In 2021, the Minister of Women, Family and Community Development explained that they will continue to pay special attention to the elderly in preparation for facing the status of the old country by 2030. Following the sequence of these preparations, a safe housing model for the elderly is necessary because this model can be a blueprint for the Ministry of Housing and Local Government and the Department of Social Welfare in ensuring their safety while living a better life. FRGS 2020 research is a mixed method study using qualitative and quantitative methods with document analysis, questionnaires observations and semi-structured interviews to collect data findings and information towards the construction of the model. The methodology used is in line with the second and third objectives of the study which is to study the characteristics and specifications of safety in building homes and residences for the elderly and identify the acceptance of this model of safe housing for the elderly in accordance with legal requirements. This paper analyses the findings of a pilot study resulting from the formation of constructs for four sets of questions including questionnaires for the elderly, Elderly Care Centre interviews, Community interviews and Local Authority (PBT) interviews. The results of the questionnaire from the pilot study shows, the elderly questions instrument is suitable to be used for the actual study sample while the formation of the Elder Care Centre interview protocol proves the suitability of the interview instrument used to the respondents.

Keywords: Old Country, Senior Citizen, Residence, Safe, Pioneer

1.0 PENGENALAN

Penuaan penduduk adalah fenomena abad ke 21 (Shalini & Seow Ta Wee, 2013). Ianya merupakan realiti yang tidak dapat dinafikan. Impaknya terhadap negara bergantung kepada sejauh mana negara bersedia untuk menghadapinya. Malaysia sebagai negara membangun akan merasai penuaan penduduk dalam masa terdekat. Kewujudan warga emas yang ramai telah menarik perhatian ramai cendekiawan untuk menjalankan pelbagai kajian. Namun, tidak banyak kajian yang menumpukan kepada penyediaan kediaman dan pusat jagaan yang selamat untuk warga emas. Dalam keadaan negara mengalami pertambahan warga emas yang ramai, kajian berhubung penyediaan kediaman yang selamat golongan itu dilihat semakin penting (Muhammad Asri & Halmi Zainol, 2017). Malaysia mencapai status negara tua adalah lebih pesat berbanding negara maju. Ini adalah kerana transisi demografi kedua yang dialami berlaku dalam konteks perkembangan teknologi perubatan yang canggih. Pertumbuhan populasi di Malaysia akan menghadapi prospek penuaan penduduk kerana usia di atas 65 tahun mencapai tujuh peratus. Data statistik terkini meramalkan ini akan berlaku pada tahun 2030 (R. Hirschmann, 2020). Malaysia hanya memerlukan 25 tahun untuk beralih dari negara yang sudah tua ke usia yang tua sementara Perancis mengambil masa 115 tahun untuk mencapai tahap tersebut (Pathma Subramaniam, 2020). Warga emas di Malaysia akan berganda daripada 7% kepada 14% dalam masa 28 tahun sahaja berbanding negara Sweden yang telah mengambil masa selama 112 tahun untuk perubahan yang sama (Pertubuhan Bangsa Bangsa Bersatu (PBB), 2007). Merujuk kepada statistik yang telah diumumkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia pada 27 Mei 2021, jumlah penduduk Malaysia telah mencecah seramai 32.62 juta (Januari - Mac 2020) dan seramai 32.75 juta (Januari - Mac 2021), iaitu peningkatan populasi sebanyak 0.4% dari tahun 2020, dan di mana warga emas berusia 65 tahun dan ke atas adalah seramai 2.37 juta orang (Jabatan Perangkaan Malaysia, Mei 2021).

Sehubungan itu, Malaysia tidak mampu berlengah untuk menangani isu-isu berkaitan penuaan penduduk. Dewasa ini, stigma warga emas menjadi liabiliti kepada masyarakat dan kerajaan telah berubah. Mereka yang mempunyai banyak pengalaman dan kepakaran boleh terus menyumbang kepada negara sekaligus membuktikan kejayaan kempen 'Back To Work' yang telah membantu seramai 34,638 orang warga emas untuk kembali bekerja dan menyumbang kepada ekonomi dan kerajaan (Harian Metro, 2019). Jabatan Kebajikan masyarakat (JKM) mendefinisikan warga emas seperti yang diterangkan dalam 'Perhimpunan Sedunia mengenai Penuaan 1982' (World Assembly on Aging 1982) di Vienna, iaitu kumpulan individu yang berusia 60 tahun dan ke atas (Portal Rasmi Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2020). Polisi dan Dasar Warga Emas Negara menjelaskan bahawa warga emas terdiri daripada individu berusia 60 tahun dan ke atas (Jal Zabdi Mohd Yusoff, 2009). Selaras dengan keperluan semasa dan akan datang, Dasar Warga Emas Negara (DWEN) dan Pelan Tindakan Warga Emas Negara (PTWEN) telah diluluskan oleh kerajaan pada 5 Januari 2011. DWEN dan PTWEN merupakan komitmen kerajaan untuk mewujudkan warga emas yang berdikari, bermartabat diri dan dihormati dengan mengoptimumkan potensi diri melalui penuaan sihat, positif, aktif, produktif dan menyokong untuk meningkatkan kesejahteraan hidup dalam pembangunan Negara. Matlamat Dasar Warga Emas Negara adalah mendayaupayakan individu, keluarga dan masyarakat dengan menyediakan perkhidmatan mesra warga emas yang cekap dan berkesan serta membangunkan persekitaran yang membantu warga emas hidup sejahtera (Portal Rasmi Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2020).

2.0 METODOLOGI

Reka bentuk kajian adalah satu pelan tindakan yang memperlihatkan bagaimana sesuatu kajian dijalankan. Reka bentuk kajian menjadi panduan kepada penyelidik untuk mengumpul dan menganalisis data serta melakukan pentafsiran terhadap penyelidikan yang dijalankan. Kajian ini berbentuk gabungan/campuran (*mixed method*) menggunakan metod kualitatif dan kuantitatif dengan kaedah penganalisaan dokumen, soal selidik, pemerhatian dan temubual separa skruktur untuk mengumpulkan data dapatan dan maklumat ke arah pembinaan model tersebut. Bilangan sampel kajian rintis tidak memerlukan jumlah sampel yang ramai. Untuk menjalankan kajian rintis, Johanson dan Brooks (2010) mencadangkan bilangan sampel minimum yang dipilih adalah seramai 30 orang sahaja. Dalam kajian rintis ini hanya seramai 30 warga emas dipilih sebagai responden kajian. Dengan menjalankan kajian rintis terhadap sebilangan responden dalam populasi yang mempunyai ciri persamaan dengan sampel sebenar kajian, gambaran awal mengenai dapatan kajian yang bakal diperoleh setelah menjalankan kajian sebenar dapat dianggarkan. Sementara bagi kajian rintis temubual Pusat Jagaan Warga Emas, 3 Pusat Jagaan Warga Emas (2 di negeri Johor dan 1 di negeri Kelantan) terpilih dan bersetuju untuk bekerjasama menjawab temubual secara Google Meet disebabkan situasi pandemik Covid19 yang membataskan temubual secara bersemuka.

2.1 Objektif Kajian Geran FRGS 2020

- i) Mengenalpasti definisi dan takrifan sebenar bagi ciri-ciri golongan warga emas di Malaysia.
- ii) Mengkaji ciri-ciri dan spesifikasi yang selamat dalam membina kediaman dan tempat tinggal bagi warga emas.
- iii) Mencadangkan Model Kediaman Selamat Warga Emas selaras dengan kehendak undang-undang.

3.0 ANALISIS DAN PERBINCANGAN KAJIAN RINTIS

Dasar Warga Tua Kebangsaan mendefinisikan warga tua sebagai individu yang berumur 60 tahun dan ke atas (Jal Zabdi Mohd Yusoff, 2009). Sementara Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia (JKM) mengambil takrifan warga emas yang diadakan di “World Asssembly On Ageing 1982” di Vienna iaitu mereka yang berumur 60 tahun ke atas (Portal Rasmi Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2020). Bagi memastikan kelangsungan hidup warga emas yang lebih panjang, ianya harus bermula daripada kediaman mereka sendiri. Kediaman yang selamat dan mempunyai ciri-ciri keselamatan boleh meminimumkan kemalangan di rumah sendiri. Warga emas mempunyai batasan terhadap pergerakan dan kemampuan diri. Kerap kali didedahkan oleh akhbar-akhbar tempatan warga emas ditemui rentung akibat kebakaran, warga emas didapati maut selepas terjatuh di bilik air dan sebagainya. Suriyana Nayan (2006) menyebut warga emas hendaklah dihormati, dijaga dan diberi sepenuh perhatian kerana mereka juga boleh menyumbang kepada negara. Fenomena kemalangan warga emas ini seolah-olah menunjukkan bahawa warga emas tidak selamat di rumah mereka sendiri dan situasi ini tidak selaras dengan objektif Dasar Warga Emas Negara yang mahukan warga emas hidup selamat dan dilindungi (KPWKM.gov.my).

Antara ciri-ciri yang diperlukan untuk memastikan sebuah rumah itu selamat untuk warga emas, sebuah rumah itu mestilah mempunyai hand bar di bilik mandi, tidak menggunakan jubin yang licin di dapur dan bilik mandi, tidak menggunakan jeriji besi di bilik tidur warga emas serta tandas yang sesuai untuk mereka membuang air (Shalini a/p Sanmargaraja, 2012). Kediaman yang sesuai dan selamat warga emas adalah penting kerana sebagai contoh, situasi untuk warga tua ke tandas merupakan sesuatu yang paling sukar dan mereka sering

berhadapan dengan kesulitan. Hal ini kerana kebanyakan warga tua penghidap dementia tidak memberitahu yang mereka ingin ke tandas, memberi kesukaran kepada penjaga atau ahli keluarga untuk membersihkan diri dan pakaian warga tua terbabit (Suridah Binti Ali & Rahimah Abdul Aziz, 2018). Farhah Hanun Ngah & Dennis Choon (2017) menyebut dalam kajian mereka bahawa nilai kualiti hidup warga emas yang berada di daerah Kajang, Selangor berada pada tahap yang rendah, iaitu sebanyak 36% yang melibatkan nilai kualiti fizikal dan sosial. Menyedari hakikat ini, Bekas Timbalan Ketua Pengarah Kementerian Kesihatan, Datuk Seri Dr Jeyaindran Sinnadurai, berkata warga emas yang tinggal bersendirian berdepan beberapa kesulitan terutama berkaitan pergerakan walaupun mereka sihat secara mental (Berita Harian, 2018). Oleh itu, sebuah model kediaman selamat bagi warga emas adalah perlu untuk membantu pihak berkuasa tempatan (PBT) dan pihak kementerian bagi menguatkuasakan peraturan-peraturan mengenai spesifikasi pembinaan rumah yang selamat dan sesuai untuk warga emas sekaligus menjadi persiapan bagi Malaysia untuk menjadi Negara Tua 2030.

3.1 Pembentukan Soal Selidik dan Protokol Temubual

Kajian rintis ini dilaksanakan berdasarkan prosedur yang telah ditentukan dan memenuhi standard pengesahan instrumen menerusi tiga peringkat iaitu pembentukan, penstrukturan dan pengesahan. Bagi peringkat pertama, pembentukan soalan dilaksanakan menerusi penghasilan konstruk bagi setiap item. Seterusnya, semua item ini melalui ujian rintis bagi menentukan kesahan dan kebolehpercayaan soalan. Bagi fasa terakhir, pengesahan setiap item adalah berdasarkan analisis faktor dan cronbach alpha yang dilaksanakan. Setelah selesai semua peringkat, kesemua item dapat dilaksanakan bagi kajian yang sebenar. Untuk dapatan keseluruhan telah menunjukkan proses pelaksanaan kajian rintis telah dilaksanakan mengikut metodologi yang ditetapkan dan memastikan hasil yang baik. Ini menunjukkan tahap kajian rintis yang dijalankan telah dapat membentuk kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi bagi instrumen kajian dan boleh diteruskan pada kajian yang sebenar.

Kajian geran FRGS 2020 ini merupakan kajian berbentuk gabungan/campuran (*mixed method*) dan menggunakan metodologi yang digunakan selari dengan objektif kedua dan ketiga kajian iaitu untuk mengkaji ciri-ciri dan spesifikasi yang selamat dalam membina kediaman dan tempat tinggal bagi warga emas, dan mengenalpasti penerimaan model kediaman selamat warga emas ini selaras dengan kehendak undang-undang. Terdapat tiga (3) set protokol temubual bagi Pusat Jagaan Warga Emas, temubual Komuniti dan temubual Kementerian berkaitan dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan satu (1) set soal selidik bagi warga emas bagi mencapai objektif dan persoalan bagi kajian ini. Kesemua konstruk bagi setiap set dan bahagian utama item dinyatakan secara ringkas seperti berikut:

3 Set Soalan Temubual (Kualitatif) bagi Mencapai Objektif Kajian 2 dan 3:

Kategori Set Soalan	Pusat Jagaan Warga Emas	Komuniti/ Masyarakat	Pihak Berkuasa Tempatan (Pbt)
	5 Bahagian (A, B, C, D & E)	3 Bahagian (A, B & C)	5 Bahagian (A, B, C, D & E)
Bahagian Soalan	Bahagian A: Ciri-Ciri dan Spesifikasi Premis Pusat Jagaan	Bahagian A: Tanggungjawab Masyarakat/Komuniti Setempat (JKKK, Ketua Kampung, Persatuan Penduduk)	Bahagian A: Ciri-Ciri & Spesifikasi Perumahan

Bahagian B: Keadaan Persekitaran Komuniti	Bahagian B: Konsep perumahan yang mempengaruhi keselesaan kediaman warga emas.	Bahagian B: Kedudukan Geografi/Persekitaran Komuniti/Kemudahan Fasiliti Dan Perkhidmatan
Bahagian C: Kemudahan Fasiliti Dan Perkhidmatan	Bahagian C: Penambahbaikan perkhidmatan dan sokongan kepada kediaman warga emas.	Bahagian C: Kemudahan Fasiliti Dan Perkhidmatan/Teknologi Perumahan
Bahagian D: Tanggungjawab Pelbagai Sektor		Bahagian D: Peranan/Kepentingan Pelbagai Bahagian/Kementerian
Bahagian E: Konsep perumahan yang mempengaruhi keselesaan kediaman warga emas.		Bahagian E: Konsep perumahan yang mempengaruhi keselesaan kediaman warga emas.

1 Set Soalan Soal Selidik (Kuantitatif) bagi Mencapai Objektif Kajian 2 dan 3:

Kategori Set Soalan	Warga Emas
	7 Bahagian (A, B, C, D, E, F & G)
	Bahagian A: Faktor Demografi
	Bahagian B: Ciri-Ciri Dan Spesifikasi Perumahan
	Bahagian C: Kedudukan Geografi Dan Persekitaran Komuniti
Bahagian Soalan	Bahagian D: Kemudahan Fasiliti Dan Perkhidmatan
	Bahagian E: Pilihan Petempatan
	Bahagian F: Konsep perumahan yang mempengaruhi keselesaan kediaman warga emas.
	Bahagian G: Cadangan penambahbaikan keselesaan kediaman warga emas yang sedia ada.

3.2 Pelaksanaan Kajian Rintis

Pelaksanaan kajian rintis mempunyai hubung kait dengan kesahan dan kebolehpercayaan instrumen yang bertujuan untuk memastikan instrumen kajian yang disediakan sesuai digunakan untuk kajian sebenar. Pelaksanaan kajian rintis merupakan permulaan proses

untuk meneruskan kajian ke peringkat kajian yang sebenar. Beberapa kriteria perlu dipatuhi bagi memastikan dapatan yang dilaksanakan menepati prinsip kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi dan baik. Pelaksanaan kajian rintis mampu menghasilkan dapatan kesahan dan kebolehpercayaan instrumen bagi setiap kajian dapat dilaksanakan dengan baik berdasarkan objektif dan persoalan kajian tersebut. Kesahan ini sangat penting sebagai salah satu daripada pengesahan penyelidikan kualitatif (Houghton et al., 2013). Instrumen yang telah melalui proses kajian rintis boleh digunakan bagi kajian lapangan sebenar. Keseluruhan proses kajian rintis melibatkan pra-kajian, semasa kajian, pasca kajian, analisis dapatan kajian, pengesahan instrumen dan kajian lapangan (Noraini, 2010; Rozmi, 2013).

Beberapa isu mampu dikenal pasti semasa mentadbir kajian rintis, merangkumi beberapa perkara seperti bentuk dan arahan soalan yang mudah difahami, sama ada item yang dikemukakan adalah jelas atau tidak, boleh mengelakkan berlakunya kekeliruan dalam memahami setiap maklumat yang dinyatakan dan meminimalkan sebarang kekurangan, dan sekiranya ada, ianya perlu dibuat penambahbaikan sebelum kajian lapangan sebenar dijalankan. Setelah penambahbaikan dibuat hasil dapatan kajian rintis, maka penyelidik akan meneruskan bagi peringkat kajian lapangan yang sebenar (Mohd Majid, 2005; Morse, 2011). Kesimpulannya, kajian rintis dilaksanakan untuk menilai ketekalan dan kebolehpercayaan soal selidik kajian melalui nilai pekali indeks Alfa Cronbach yang boleh diterima pakai dalam kajian sebenar. Tahap kebolehpercayaan kajian juga bergantung kepada konstruk dan kandungan item dalam soal selidik tersebut. Manakala, kesahan pula merujuk kepada penilaian yang dibuat terhadap kesesuaian dalam terjemahan dan tindakan yang dilakukan terhadap skor-skor ujian (Neuman 2003; Ramlee Ismail, Jamal @ Nordin Yunus & Hariri Kamis, 2011).

3.2.1 Analisa Rintis Kuantitatif

Objektif kajian rintis soal selidik ini membincangkan keperluan model perumahan yang selamat dan memenuhi spesifikasi untuk warga emas dari perspektif mereka. Kajian rintis dilaksanakan adalah bertujuan mendapatkan pengesahan kepada tahap kebolehpercayaan soal selidik yang dijalankan supaya hasil dapatan adalah sah dan boleh dipercayai (Uma Sekaran, 1992; Merriam, 2009). Seramai 30 orang warga emas di negeri Selangor yang berumur kategori warga emas (60 tahun ke atas) terlibat dalam kajian rintis. Bilangan ini adalah mencukupi bagi sesuatu kajian dalam bidang sains sosial (Creswell, 2009; Marohaini, 2013). Data kajian pula diperoleh melalui soal selidik. Penemuan awal dan kajian rintis menunjukkan pentingnya menyediakan rumah dan kediaman selamat untuk warga emas. Dapatan rintis soal selidik dalam kalangan 30 warga emas menunjukkan majoriti bersetuju dengan tiga (3) faktor utama spesifikasi kediaman warga emas, namun, terdapat beberapa responden yang memberikan maklumbalas tidak setuju dan tidak pasti seperti berikut: (i) Rumah yang mempunyai teknologi dan sistem keselamatan yang baik - 80% (24 responden) setuju, 20% (6 responden) tidak setuju. (ii) Rumah yang memiliki elemen dan aksesori penting bagi menyokong aktiviti kehidupan warga emas - 90% (27 responden) setuju, 10% (3 responden) tidak setuju. (iii) Rumah yang memiliki persekitaran yang damai dan tenang - 70% (21 responden) setuju, 26.7% (8 responden) tidak setuju, dan 3.3% (1 responden) tidak pasti. Tahap kebolehpercayaan soal selidik ini adalah tinggi dan pengesahan setiap item adalah berdasarkan analisis faktor dan nilai Alfa Cronbach yang dilaksanakan. Kajian akan turut meneroka lebih mendalam dan terperinci tentang makna dan dimensi bagi keselamatan sesebuah rumah dan kediaman yang selamat sepanjang kajian ini. Pembangunan kediaman selamat warga emas adalah penting di mana pihak berkuasa berkaitan harus memperhalusi

garis panduan model pembinaan perumahan yang selamat agar dapat menjadi rumah yang selamat untuk warga emas.

3.2.2 Analisa Rintis Kualitatif

Objektif kajian rintis dalam penyelidikan kualitatif adalah untuk mengenal pasti kesesuaian instrumen temubual yang digunakan kepada responden. Kajian ini turut menggunakan data kualitatif dengan mendapatkan data secara analisis melalui temubual, dokumen perundangan, jurnal dan artikel berkaitan bidang. Kajian rintis bagi set temubual separa struktur dilaksanakan ke atas Pusat Jagaan Warga Emas dengan mengambilkira keselesaan Pusat Jagaan yang memberikan maklumbalas terawal untuk ditemubual. Tiga (3) buah Pusat Jagaan Warga Emas, iaitu dua (2) dari negeri Johor dan satu (1) dari negeri Kelantan telah terpilih sebagai kajian rintis bagi set temubual Pusat Jagaan Warga Emas. Selain itu, set temubual separa struktur turut dijalankan dengan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) serta Pusat Jagaan Warga Emas di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan pengurusan persendirian yang beroperasi di negeri Melaka. Dapatan temubual menjelaskan bahawa Pihak Berkuasa Tempatan, Kementerian Kesihatan dan pihak Bomba merupakan pihak berwajib yang terlibat dalam proses bagi permohonan dan penubuhan rumah warga emas. Dapatan kajian turut menyenaraikan beberapa perkara yang perlu diambil perhatian dalam membina model kediaman selamat warga emas iaitu: Bidang kuasa dan peranan pihak berkuasa, kriteria serta spesifikasi bentuk perumahan, dana dan bajet serta keperluan teknologi dan fasiliti.

4.0 KESIMPULAN

Kajian rintis kualitatif dan kuantitatif bagi geran penyelidikan ini telah dilaksanakan pada fasa tahun pertama geran, mengambil tempoh sepanjang Februari 2021 – Jun 2021 dan menepati prosedur kesahan dan kebolehpercayaan bagi setiap proses. Kebolehpercayaan adalah merujuk kepada konsistensi atau kestabilan data yang diperolehi melalui pengumpulan data yang dijalankan (Neuman 2003; Noraini, 2010). Proses tersebut secara umumnya merangkumi tahap pengesahan pakar yang dilaksanakan dengan tiga pakar bidang yang dipilih, penentuan instrumen, ujian rintis, analisis data kajian rintis dan pengesahan atau pemurnian instrumen bagi kajian lapangan sebenar yang telah bermula pada awal Julai 2021. Item-item soal selidik dan protokol temu bual dapat dilaksanakan dengan lebih tepat berdasarkan beberapa pengubahsuaian yang telah dilaksanakan hasil dapatan kajian rintis.

Hasil kajian rintis kuantitatif yang telah dijalankan menunjukkan bahawa instrumen soal selidik warga emas adalah sesuai digunakan untuk sampel kajian sebenar. Nilai pekali Alfa yang tinggi secara keseluruhannya menunjukkan bahawa kebolehpercayaan instrumen adalah tinggi dan dapat mengukur ketekalan item-item soal selidik yang akan dilaksanakan kepada kelompok warga emas yang dikenal pasti mewakili ciri-ciri kategori umur lingkungan bagi definisi warga emas tersebut. Setelah dapatan rintis diperolehi, penyelidik menggugurkan beberapa item disebabkan berlaku pertindihan di antara item-item soal selidik tersebut. Hasil kajian rintis kualitatif bagi protokol temu bual Pusat Jagaan Warga Emas juga menunjukkan kesesuaian instrumen temubual yang digunakan kepada responden dan akan diteruskan bagi kajian lapangan sebenar yang telah bermula pada awal Julai 2021.

Kesimpulan kajian rintis soal selidik dan hasil temubual separa struktur mendapati bahawa terdapat keperluan utama spesifikasi bagi kediaman warga emas. Dapatan bagi temubual rintis tiga (3) pusat jagaan warga emas sedia ada menunjukkan bahawa pengusaha pusat jagaan telah memenuhi keperluan dan syarat penubuhan sebagaimana yang dikuatkuasakan

oleh undang-undang. Namun, terdapat beberapa perkara yang perlu ditambah baik khususnya dari sudut pemerolehan dana oleh pusat jagaan warga emas bagi mengembang dan memberi keselesaan bagi penempatan warga emas serta keperluan penting bagi teknologi dan fasiliti berkaitan. Temubual turut menganalisa tentang bidang kuasa dan peranan pihak berkuasa, kriteria serta spesifikasi bentuk perumahan, dana dan bajet serta keperluan teknologi dan fasiliti. Secara umumnya hasil kajian akan mencadangkan satu kerangka pembinaan model kediaman selamat warga emas yang mampu menyumbang kepada pihak autoriti dan sektor berkaitan seperti pusat jagaan dalam memastikan model kediaman yang menepati kehendak serta bersesuaian dengan usia dan keperluan fizikal warga emas. Model Kediaman Selamat Warga Emas boleh dijadikan sebagai garis panduan alternatif kepada pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Pihak Berkuasa Tempatan dan industri untuk mewujudkan kediaman yang selamat dan sesuai untuk didiami oleh warga emas.

5.0 PENGHARGAAN

Penulis ingin mengucapkan terima kasih dan terima kasih kepada Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) sebagai penyedia geran penyelidikan untuk sokongan kewangan melalui FRGS Kod Projek: FRGS/1/2020/SSO/KUIS/02/1 - yang membolehkan penulis untuk menjalankan penyelidikan ini.

RUJUKAN

- Berita Harian. (2018).
- Berita Harian.(1 April 2019): Malaysia Perlu Bersedia Hadapi Status Negara Tua.
- Cresswell J. W. (2009). *Research Design : Qualitative, Quantitative and Mixed Methods Approaches* (3rd Edition): SAGE, UK.
- Dasar Warga Emas Negara (DWEN) –
<https://www.jkm.gov.my/jkm/uploads/files/Bahagian%20WE/DasarWargaEmas1.pdf>
(diakses pada Jun 2021).
- Farhah Hanun Ngah & Koh, Denise Choon Lian. (2017). *Kualiti hidup dan aktiviti fizikal warga emas*. *Geografia : Malaysian Journal of Society and Space*, 13 (2). pp. 44-53. ISSN 2180-2491.
- Hirschmann.R. (2020, Jun 23). *Travel and tourism in Malaysia - Statistics & Facts*. Statista. <https://www.statista.com/topics/5741/travel-and-tourism-in-malaysia/> (diakses pada Jun 2021).
- Houghton, Catherine, Casey, Dymna, Shaw, David, et al. (2013). “Rigour in qualitative case-study research”. *Nurse researcher*, 20(4).
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (Mei 2021).
- Jal Zabdi Mohd Yusoff. (2009). *Jenayah dalam Keluarga: Penderaan dan Pengabaian Warga Tua di Malaysia*. Kertas kerja dibentangkan di International Conference Law (ICCL) 2009, 1-3 Jun, Surabaya, Indonesia.
- Johanson, G. A., & Brooks, G. P. (2010). Initial scale development: Sample size for pilot studies. *Educational and Psychological Measurement*, 70(3), 394-400.
- Marohaini Mohd Yusoff. (2013). *Penyelidikan kualitatif, pengalaman kerja lapangan kajian*. Kuala Lumpur; Penerbit Universiti Malaya.
- Merriam, S. B. (2009). *Qualitative research: A guide to design and implementation* (3rd ed). San Francisco, CA: Jossey-Bass.
- Mohd Majid Konting. (2005). *Kaedah penyelidikan pendidikan Edisi ke 7*. Kuala Lumpur ; Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Morse, J. M. (2011). Molding qualitative health research. *Qualitative Health Research*, 21(8), 1019–1021.
- Mohd Yusoff, Jal Zabdi (2009) *Jenayah dalam keluarga: Penderaan dan pengabaian warga tua di Malaysia*. In: International Conference on Corporate Law (ICCL) 2009 1st - 3rd June 2009, Surabaya, Indonesia. UUM COLGIS Universiti Utara Malaysia, pp. 1-12. ISBN 9789832078340.
- Muhammad Asri Abdullah Kamat & Halmi Zainol (2017) Penjagaan warga emas di negara menua: Kajian awal mengenai taburan penyediaan pusat jagaan warga emas di Negeri Perak, Malaysia. *International Journal of Society, Development and Environment in the Developing World* Volume 1, Issue 2, September 2017 (14-23).
- Neuman, W.L. (2003). *Social research method: qualitative and quantitative approaches*. Needham Height : Allyn and Bacon.
- Noraini Idris (2010). *Penyelidikan dalam pendidikan*. Mc Graw Hill (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Pathma Subramaniam (2020, Oct 24) Population Ageing - The changing nature of ageing <https://www.theedgemarkets.com/article/changing-nature-ageing> (diakses pada Jun 2021).
- Pertubuhan Bangsa Bangsa Bersatu (PBB). (2007).
Pelan Tindakan Warga Emas Negara (PTWEN) - [https://www.kpwkm.gov.my/kpwkm/uploads/files/Dokumen/Dasar/PTWEN%20\(finall\).pdf](https://www.kpwkm.gov.my/kpwkm/uploads/files/Dokumen/Dasar/PTWEN%20(finall).pdf) (diakses pada Jun 2021).
- Portal Rasmi Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2020 - <https://www.jkm.gov.my/jkm/index.php> (diakses pada Jun 2021).
- Portal Rasmi Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat - <https://www.kpwkm.gov.my/kpwkm/index.php?r=portal> (diakses pada Jun 2021).
- Rozmi Ismail. (2013). *Metodologi penyelidikan, teori dan praktis*. Bangi; Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ramlee Ismail, Jamal @ Nordin Yunus & Hariri Kamis (2011). *Analisis data dan pentaksiran dengan menggunakan SPSS*. Kuala Lumpur; Titisan Ilham.
- Sanmargaraja, S. (2012). *Penyediaan fasiliti di rumah warga tua: kajian kes di Bandaraya Ipoh dan Johor Bahru*.
- Sekaran, U. (1992). *Research methods for business : A skill building approach* (ed ke-2). New York : Wiley & Son, Inc.
- Shalini & Seow Ta Wee (2013) *Pandangan Warga Tua Di Rumah Warga Tua: Kajian Kes Di Bandaraya Ipoh Dan Johor Bahru*. *Persidangan Kebangsaan Geografi & Alam Sekitar Kali Ke 4*.
- Suridah Binti Ali & Rahimah Abdul Aziz (2018) *Penjagaan Tidak Formal Warga Tua: Antara Tanggungjawab Dan Beban*. Vol. 13, No.3 (2018) 183-195, ISSN: 1823-884x. *Journal of Sciences and Humanities*. 19.
- Suriyana Nayan (2006) *Keprihatinan yang luntur terhadap warga emas*. *Jurnal Intelek*. Volume 4, No. 1, Jan 2006, 95-105.